



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

TEKS UCAPAN

NIK NAZMI BIN NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

“KEPELBAGAIAN BIOLOGI MEMBINA MALAYSIA MADANI”

24 OKTOBER 2023 (SELASA) 12.00 TENGAHARI

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

Perdana Menteri

YANG BERHORMAT DATO' SRI HUANG TIONG SII

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

YANG BERBAHAGIA DR. CHING TOO A/L KIM

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha

Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan dan agensi

YBhg Dato'-Dato'/Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

(Salutasi akan dikemaskini)

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama di dalam majlis yang bermakna ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah sudi melapangkan masa untuk menyempurnakan majlis perasmian Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2023 dan peluncuran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 (DKBK 2022-2030).
2. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2023 yang julung kalinya diadakan pada hari ini melambangkan komitmen Yang Amat Berhormat dalam menyokong usaha untuk mengukuhkan pengurusan kepelbagaian biologi negara ke arah membina Masyarakat Madani.
3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan Kementerian di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat memperuntukkan sejumlah **RM421 juta** bagi pengurusan biodiversiti dan hutan. Di samping itu, sebanyak **RM1.27 billion** juga telah diperuntukkan untuk inisiatif nasional bagi pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah biodiversiti.

Yang Amat Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian,

Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2023

4. Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2023 dengan tema '**Kepelbagaian Biologi Membina Malaysia Madani**' pada hari ini menghimpunkan lebih 500 orang pemegang taruh di peringkat Persekutuan dan Negeri, penyelidik, ahli akademik, pelajar, pihak swasta,

badan bukan kerajaan dan komuniti bagi membincangkan isu, cabaran serta strategi pengurusan kepelbagaian biologi negara.

5. Persidangan ini juga menjadi wahana dalam mengetengahkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan kepelbagaian biologi dan amalan terbaik pengurusan kepelbagaian biologi negara; mengukuhkan jaringan kerjasama dan sinergi dalam memulihara kepelbagaian biologi, menggalakkan penggunaannya secara mampan dan perkongsian faedahnya secara adil dan saksama; dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kepelbagaian biologi negara.

6. Persidangan pada kali ini mengintegrasikan pelbagai sesi wacana dengan memberi fokus kepada keperluan untuk **mengukuhkan pelaksanaan akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah** (*access and benefit sharing*), **pengurusan ekosistem gambut mampan** (*sustainable management of peatland*) dan **perhutanan sosial** (*sosial forestry*).

7. Pelaksanaan Persidangan ini menyokong Tindakan 16.1, DKBK 2022-2030 untuk memperkukuhkan penyelarasan dan proses membuat keputusan di peringkat kebangsaan dan negeri melalui penganjuran persidangan secara tahunan untuk membincangkan serta melaporkan status dan pencapaian negara dalam pengurusan kepelbagaian biologi. Persidangan ini juga akan menyediakan input ke arah merencana tindakan-tindakan proaktif bagi pemuliharaan kepelbagaian biologi.

Yang Amat Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian,
Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030

8. DKBK 2022-2030 adalah hasil semakan semula DKBK 2016-2025 dengan mengambil kira **keperluan semasa di peringkat kebangsaan** dan **kerangka kepelbagaian biologi antarabangsa** iaitu *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework* (Kunming-Montreal GBF) memandangkan pengurusan kepelbagaian biologi adalah semakin kompleks memerlukan pendekatan yang lebih dinamik dan menyeluruh.

9. Pengubalan DKBK 2022-2030 telah dilaksanakan berpandukan kepada Laporan Kebangsaan Ke-6 kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*The Sixth National Report of Malaysia to the Convention on Biological Diversity - 6NR*) dan Kunming-Montreal GBF. Sesi konsultasi dengan pemegang taruh telah dilaksanakan secara ekstensif yang melibatkan lebih 200 organisasi dan 500 individu mulai Oktober 2020 hingga September 2023.

10. Gerak kerja DKBK 2022-2030 juga dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama **Majlis Biodiversiti Negara** yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi serta dianggotai oleh semua YAB Menteri Besar/Ketua Menteri dan Menteri Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan pengurusan kepelbagaian biologi pada 22 Mac 2023. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan libat urus dan perkongsian tanggungjawab dalam memulihara biodiversiti dan memangkin perubahan transformatif (*transformative change*).

Yang Amat Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian,

Pembaharuan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030

11. DKBK 2022-2030 mengandungi 5 **matlamat utama**, 17 **sasaran dan 61 tindakan** yang perlu dilaksanakan untuk mencapai sasaran tersebut. Semua tindakan pula mempunyai indikator pencapaian utama (*key indicators*) yang boleh diukur bagi memantau pelaksanaannya. Suka saya nyatakan disini bahawa antara pembaharuan utama DKBK 2022-2030 melibatkan perkara-perkara berikut:

Pertama: mengetengahkan saling hubung kait antara kepelbagaian biologi dan perubahan iklim serta keperluan menangani kesan perubahan iklim kepada kepelbagaian biologi;

Kedua: mengiktiraf hubungan antara kepelbagaian biologi dan kesihatan dengan mengambil kira pendekatan *One Health*;

Ketiga: memberi fokus kepada aspek pengukuhan pengurusan hutan dan perancangan spatial dengan meletakkan sasaran khusus untuk pengurusan hutan dan perancangan spatial;

Keempat: menambahbaik sasaran sedia ada berkaitan perancangan dan pengurusan pertanian, pengurusan kawasan perlindungan, perlindungan dan pemulihan ekosistem, ketersambungan ekologi (*ecological*

connectivity), konservasi spesies, pemburuan dan perdagangan haram hidupan liar dan mobilisasi sumber; dan

Kelima: mewujudkan Unit *Biodiversity Implementation Support* (BIS) secara interim bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan DKBK 2022-2030 di peringkat Persekutuan dan negeri.

Yang Amat Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian,

Inisiatif Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi

11. Usaha-usaha untuk memulihara kepelbagaian biologi adalah selaras dengan **prinsip ‘tiada sesiapa yang tertinggal’** (*leaving no one behind*) dan perancangan jangka panjang negara yang diujarkan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) 2030 bagi mencapai kemakmuran, inklusiviti dan kemampuan.

12. Di peringkat nasional, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah melancarkan **Program Penghijauan Malaysia** melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara pada tahun 2021 bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kawasan liputan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup. Sehingga Oktober 2023, sebanyak 76 juta pokok telah berjaya ditanam di seluruh negara melalui kerjasama erat pelbagai pihak. Berdasarkan kepada pencapaian semasa, sasaran penanaman 100 juta pokok dijangka dapat dicapai sebelum tahun 2025.

13. Malaysia juga telah menunjukkan kepimpinan dalam pengurusan kepelbagaian biologi di peringkat antarabangsa. Malaysia terlibat secara aktif dalam kumpulan ***Like-Minded Megadiverse Countries*** (LMMC) iaitu kumpulan 20 negara *megadiverse* yang ditubuhkan sebagai *bloc* di bawah CBD pada tahun 2002. LMMC menjadi platform negara *megadiverse* untuk mengukuhkan kerjasama bagi menjaga kepentingan dan mempertahankan pendirian.

14. Malaysia juga telah menunjukkan kepimpinan dalam aspek pemuliharaan spesies **Harimau Malaya** di mana Malaysia telah menjadi tuan rumah dan mempengerusikan *The 4th Asia Ministerial Meeting on Tiger Conservation* (AMC4) pada tahun 2022. AMC4 dihadiri oleh Menteri-menteri yang terlibat dengan konservasi hidupan liar dari 13 negara *Tiger Range Countries* (TRC) termasuk China, India dan Rusia bagi menangani kepupusan spesies harimau belang kerana populasinya berada pada tahap yang sangat membimbangkan. Kenyataan bersama Menteri-menteri TRC yang dinamakan sebagai *The Kuala Lumpur Joint Statement on Tiger Conservation* telah dipersetujui semasa AMC4.

15. Malaysia juga menyokong inisiatif untuk mencalonkan lebih banyak **tapak-tapak berkepentingan kepelbagaian biologi antarabangsa**. Pada masa ini, Malaysia mempunyai sebanyak 7 tapak Ramsar di bawah Konvensyen Ramsar, 3 tapak *Man and the Biosphere* (MAB) di bawah UNESCO, 1 tapak flyway di bawah *East Asian-Australasian Flyway Partnership* (EAAFP) dan 4 tapak ASEAN Heritage Park (AHP). NRECC mensasarkan sekurang-kurangnya 2 tapak baharu akan mendapat pengiktirafan menjelang tahun 2030.

Yang Amat Berhormat dan hadirin yang dihormati sekalian,

16. **Masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk mengukuhkan pemuliharaan kepelbagaian biologi kita** sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Namun begitu, dengan komitmen dan iltizam yang tinggi, saya yakin kita dapat dapat menjalankan amanah bagi memulihara aset semula jadi kita demi kesejahteraan generasi masa kini dan masa depan.

17. Saya juga yakin dengan **dokongan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta kesepakatan bersama** dalam mengukuhkan pengurusan kepelbagaian biologi negara, akan meningkatkan lagi imej dan reputasi negara di persada antarabangsa yang akan menjadi benteng dalam mematahkan kempen-kempen negatif yang dibuat oleh pihak luar bagi mencemar nama baik negara khususnya apabila menyentuh mengenai sektor perladangan dan komoditi. Saya juga berharap Persidangan ini dan DKBK 2022-2030 akan mencetus penglibatan lebih aktif *non-governmental actors* atau *non-state actors* dalam memulihara kepelbagaian biologi kita.

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kesudian hadir ke majlis ini bagi menyempurnakan perasmian Persidangan Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2023 dan peluncuran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030.

Sekian, wabillahi Taufiq Wal Hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh.